

NO. SOALAN : 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah kos untuk menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Taiping, sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dan pencapaian program sedemikian.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos perbelanjaan keseluruhan bagi Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina yang telah diadakan di Taiping, Perak pada 8 Februari 2014 adalah berjumlah RM1,953,150. Kos ini meliputi pembiayaan persiapan tempat, teknikal, jamuan rakyat, persembahan, keceriaan, promosi, keurusetiaan, pengangkutan dan keselamatan. Majlis yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berlangsung dengan jayanya serta mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat dengan kehadiran dianggarkan berjumlah 50,000 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 91**

**Dato' Othman Bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a) bilakah pelaksanaan mewajibkan pemasangan tali pinggang keledar di semua bas ekspres akan dikuatkuasakan bagi meningkatkan taraf keselamatan penumpang bas ekspres yang terdedah kepada ancaman maut; dan
- b) adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan *secara one-off* kepada pengusaha syarikat bas ekspres bagi menanggung kos pemasangan tali pinggang keledar terbabit.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Buat masa ini, peraturan sedia ada hanya mewajibkan pemasangan tali pinggang keledar keselamatan di barisan pertama bas. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan tahap keselamatan penumpang-penumpang bas ekspres, Kerajaan akan menguatkuasakan peraturan pemasangan tali pinggang keledar keselamatan terhadap bas baharu mulai tahun hadapan, 2015. Bagi bas ekspres yang sedia ada, *grace period* selama lima tahun akan diberikan terhadap pengusaha-pengusaha untuk persediaan sebelum penguatkuasaan sepenuhnya dijalankan.
- b) Setakat ini, belum ada perancangan supaya Kerajaan memberi bantuan kepada pengusaha syarikat untuk menanggung kos pemasangan tali pinggang keledar keselamatan.